

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2020)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2019, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. DOA.
2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERTITAH SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.
3. SOALAN LISAN

YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)

SOALAN 1 (A1)

Selama tempoh pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan, berapakah jumlah perbelanjaan tetap negeri jika dibandingkan dengan kos pemerintahan kerajaan sebelum ini?

YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)

SOALAN 2 (A31)

Sejauh mana peluang pekerjaan yang telah dijanjikan oleh kerajaan dan berikan pecahan pekerjaan yang telah berjaya dilaksanakan khususnya kepada lepasan sekolah dan graduan negeri Johor, berapa ramai YB Menteri Belia telah membawa balik pekerja-pekerja Singapore ke Johor.

YB DATUK SAMSOL BARI BIN JAMALI (SEMARANG)

SOALAN 3 (A96)

Sehingga kini berapakah jumlah peluang pekerjaan baru yang berjaya diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Johor daripada 200,000 peluang pekerjaan yang dijanjikan dan berapakah jumlah pemberhentian kerja yang direkodkan.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 4 (A172)

Peluang pekerjaan menjadi fokus utama oleh Kerajaan Pakatan Harapan ketika pembentangan Manifesto PRU ke-14. Adakah ianya telah dilaksanakan atau tidak? Berapa peratus pencapaian dalam masa hampir 2 tahun?

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 5 (A134)

Sila nyatakan tentang perkembangan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCEP) dan apakah langkah kerajaan bagi memastikan NFCEP dapat direalisasikan menjelang 2023?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 6 (A36)

Apakah tindakan yang telah diambil bagi membantu kehidupan Orang Asli dan pembangunan yang akan meningkatkan sosial ekonomi di komuniti Orang Asli Johor.

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 7 (A62)

Mohon kajian untuk kenaikan elaun Ahli Majlis Daerah Yong Peng.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 8 (A34)

Apakah inisiatif kerajaan dalam membantu rakyat terutama usahawan industri mikro untuk melibatkan diri dengan perniagaan secara dalam talian.

YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)

SOALAN 9 (A81)

Apakah status pembinaan Lapangan Terbang di Mersing?

YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL (RENGIT)

SOALAN 10 (A143)

Minta penjelasan apakah produk-produk baru pelancongan Johor yang telah dikesan atau dicungkil oleh kerajaan hari ini dalam menarik lebih ramai pelancong datang ke Johor. Nyatakan produk tersebut mengikut daerah.

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 11 (A60)

Apakah perancangan kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan di Yong Peng.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 12 (A159)

Berapakah jumlah kehadiran pelancong ke daerah Muar serta nyatakan secara terperinci jumlah pelancong yang telah menginap/bermalam di sekitar daerah Muar bermula dari Jan 2018 sehingga kini serta dimana?

YB TUAN HAJI RASMAN BIN HAJI ITHNAIN (SEDILI)

SOALAN 13 (A70)

PBT Pengerang telah digazetkan sebagai bandar industri dan pelancongan. Industri yang sedang dijalankan seperti Rapid dan Dialog. Apakah perancangan yang dibuat untuk sektor pelancongan seperti pertandingan Jong dan Cup Prix yang pernah diadakan pada tahun 2017 dan 2018?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)

SOALAN 14 (A13)

Apakah program-program yang dirancang di peringkat kerajaan negeri bagi sektor pelancongan daerah Mersing untuk Tahun Melawat Johor 2020?

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)

SOALAN 15 (A20)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk penambahan baik kawasan-kawasan pelancongan terutama di kawasan DUN Penawar untuk masa sekarang dan akan datang.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 16 (A35)

Sejauh manakah pencapaian kerajaan dalam sasaran mencapai RM8 bilion pelaburan dan apakah usaha yang telah dibuat?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 17 (A9)

Bagaimanakah Kerajaan Pakatan Harapan akan meneruskan Prestasi Cemerlang Negeri Johor sebagai destinasi pelaburan utama Malaysia.

YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)

SOALAN 18 (A47)

Adakah terdapat perancangan kerajaan negeri untuk mewujudkan muzium kebudayaan dan warisan di Kluang kerana keunikan dan lokasi bandar Kluang amat sesuai dijadikan pusat kebudayaan terutama akses laluan Keretapi Elektrik Berkembar Gemas Johor Bahru yang akan siap.

YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)

SOALAN 19 (A194)

Apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh kerajaan negeri untuk memperkukuhkan perpaduan di negeri Johor bersama keberkesanaan program-program yang telah dijalankan?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)

SOALAN 20 (A154)

TNB sedang menjalankan pemeriksaan pemasangan dan terdapat ramai pelanggan telah menerima notis pemotongan dan dikenakan caj bayaran

semula. Bagaimanakah caj bayaran semula dikira kepada pelanggan dan jumlah kutipan yang telah direkodkan sehingga kini mengikut pecahan daerah di negeri Johor?

YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)

SOALAN 21 (A26)

Berapakah bilangan anjing terbiar/ liar yang telah ditangkap di setiap daerah?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 22 (A120)

Berapakah jumlah jeti penumpang antarabangsa yang ada di Negeri Johor dan lokasi perkhidmatan yang disediakan ?

YB TUAN MOHD IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)

SOALAN 23 (A4)

Apakah peranan sebenar JSIC (Johor State Investment Centre) dan PDT (Permodalan Darul Takzim), mana yang lebih efektif?

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 24 (A201)

Apakah status terkini dan laluan yang dirancang tentang projek BRT Iskandar Malaysia bagi menampung bilangan penduduk yang semakin meningkat di kawasan Iskandar Malaysia?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 25 (A83)

Apakah status terkini Tabung Yayasan Nelayan Johor dan berapakah jumlah baki sejak diambil alih oleh kerajaan Pakatan Harapan?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 26 (A102)

Berapakah jumlah Rumah Mampu Biaya Johor yang telah siap dibina, mengikut daerah setakat Januari sehingga Oktober 2019?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 27 (A162)

Berapakah kadar peratusan bagi penggunaan jaringan unifi di sekitar daerah Muar dan apakah perancangan jangka masa panjang pihak kerajaan bagi meningkatkan lagi kadar peratusan penggunaan jaringan unifi di daerah Muar?

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)

SOALAN 28 (A19)

Mohon jelaskan secara terperinci berapakah jumlah tuntutan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri untuk membiaya kos perubatan Ahli Yang Berhormat negeri Johor dari tahun 2018 hingga kini.

YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)

SOALAN 29 (A94)

Unjuran ekonomi pada tahun 2018 adalah 5.0%-5.2% dengan sektor perkhidmatan dan perindustrian menyumbang sebanyak 56 bilion serta 43 bilion kepada KDNK negeri. Ekonomi Negeri Johor dijangka berkembang pada 2019 dengan unjuran 5.0%-5.5%. Adakah kadar unjuran ini berjaya dicapai?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 30 (A103)

Apakah inisiatif dan pelan jangka masa panjang dari Kerajaan Negeri dalam menguruskan dan mengurangkan risiko banjir di pelbagai tempat berpotensi di Negeri Johor?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 31 (A124)

Sebagai Menteri Besar Johor, apakah usaha Kerajaan Johor dalam mengeratkan hubungan diplomasi dengan Singapura agar ekonomi setempat Johor/Singapura boleh dipertingkatkan?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 32 (A168)

Berapakah peruntukan untuk mengatasi banjir yang pernah diberikan kepada Daerah Kluang dalam sepuluh tahun yang lepas (2009-2019)?

YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL (SUNGAI BALANG)

SOALAN 33 (A29)

Mohon pencerahan berkaitan pukut tunda yang banyak memberi kemudaratan kepada nelayan. Sejauhmana dan bagaimana tindakan yang berkesan yang boleh diambil untuk menghalang pukut tunda berleluasa tanpa mengira kesulitan nelayan untuk mendapat hasil tangkapan.

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 34 (A61)

Apakah tindakan yang akan diambil kepada peserta Projek Pertanian Moden yang tidak mengusahakan projek dan menyewakan tapak kepada pihak ketiga.

YB HJ KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)
SOALAN 35 (A206)

Masih ramai lagi ustaz-ustaz memberi kuliah dengan tidak bermoral mengutuk kerajaan dan menggugat ketenteraman awam. Adakah kerajaan bercadang mengarahkan dan mewajibkan semua pengurusan masjid membuat rakaman kepada semua kuliah-kuliah dan ceramah di masjid untuk dijadikan bahan bukti salah laku ini berlaku.

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2020) TAHUN 2019

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Rabu, 27 November 2019, jam 9:30 pagi.